

MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM  
(BAHAGIAN KORPORAT DAN PERHUBUNGAN AWAM)

AKHBAR : SINAR HARIAN  
TARIKH : 05 MEI 2016

2

Pengunjung mengambil pedana mendapatkan barangan percuma di Eco Free Market.

8/5 hase sat



## Eco Free Market pupuk sifat bersedekah

**SHAH ALAM** - Kira-kira 1,000 pengunjung hadir memberi sokongan terhadap program 'Eco Free Market' anjuran Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) dengan kerjasama Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) Shah Alam, baru-baru ini.

Ketua Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam MBSA, Shahrin Ahmad berkata, program yang bertempat di Taman Sukan Lasak, Seksyen 13 itu mendapat sambutan kerana ia memberi manfaat kepada masyarakat.

"Rata-rata pengunjung nyatakan sokongan terhadap program ini dan berharap dapat diadakan secara kerap kerana ia beri manfaat kepada orang ramai khususnya golongan memerlukan.

"Program ini adalah platform kepada komu-

niti Shah Alam menyertai aktiviti amal dengan mengedarkan barangan keperluan secara percuma kepada orang ramai," katanya.

Menurutnya, matlamat penganjurannya adalah memperkenalkan konsep 'free market' kepada orang ramai selain memupuk sifat bersedekah.

"Konsepnya adalah 'less is more' bermaksud menguruskan pemberian barangan terpakai dan meminimumkan perbelanjaan kepada yang memerlukan.

"Penyumbang boleh dermakan barangan atau perkhidmatan percuma seperti pakaian, aksesori, hiasan rumah, permainan, alat elektronik atau bahan bacaan dan jika pengunjung berminat, mereka hanya perlu minta izin untuk ambil ikat keperluan," katanya.